

KAD KREDIT MAYBANK CASH BACK MASTERCARD PLATINUM

TERMA & SYARAT PULANGAN TUNAI

Pulangan Tunai Kad Kredit Maybank Cash Back Mastercard Platinum ("Pulangan Tunai") adalah terbuka kepada semua dan Ahli Kad Utama (dirujuk sebagai "Ahli Kad") Maybank Cash Back Mastercard Platinum ("Kad") yang berada dalam kedudukan kredit yang baik sebagaimana yang ditentukan oleh Malayan Banking Berhad. Ahli Kad berhak menikmati Pulangan Tunai tertakluk kepada syarat-syarat berikut.

1. Terma dan Syarat Pulangan Tunai ini hendaklah dibaca bersama dengan Perjanjian Kad Maybank dan mana-mana terma dan syarat lain yang terpakai yang mengawal selia Kad tersebut. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, Terma dan Syarat ini akan mengatasi terma lain hanya berhubung dengan ciri Pulangan Tunai.
2. Pulangan Tunai akan diberikan berdasarkan perbelanjaan Ahli Kad yang menggunakan Kad berdasarkan kriteria berikut ("Perbelanjaan yang Layak"):
 - i. Perolehan Pulangan Tunai bagi setiap Bulan Penyata adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

Kategori Pulangan Tunai	Kadar Pulangan Tunai		Pulangan Tunai Maksimum bagi setiap Kategori
	Perbelanjaan runcit minimum (Bawah RM1,500)	Perbelanjaan runcit minimum (RM1,500 ke atas)	
Gaya Hidup Digital	0.2%	8%	RM18
Makan dan Minum	0.2%	8%	RM18
Hiburan dalam talian	0.2%	8%	RM18
Perbelanjaan Runcit Lain	0.2%	0.2%	Tiada had

- ii. Kategori Pulangan Tunai adalah ditakrifkan berdasarkan Kod Kategori Peniaga ("MCC") di bawah

Kategori Pulangan Tunai	MCC	Terjemahan	Contoh Peniaga
Gaya Hidup Digital ¹	4121	Limosin dan teksi (termasuk GrabRides)	- GrabRides - GrabMart - Lotus's (dalam talian sahaja) - Jaya Grocer (dalam talian sahaja)
	5411	Kedai barangan runcit dan Pasar Raya	
	5499	Kedai pelbagai barangan makanan	
Makan dan Minum	5811	Perkhidmatan Katering	- Starbucks - McDonald's - GrabFood - Foodpanda
	5812	Tempat Makan, Restoran	
	5813	Bar/Kedai Minuman/Ruang Santai/Disko	
	5814	Restoran Makanan Segera	
Hiburan dalam talian ¹	4899	Perkhidmatan TV kabel, satelit dan TV/Radio berbayar lain	- Netflix - Spotify - Apple App Store - Google Play Store
	5815	Barangan digital: media audio visual termasuk buku, filem dan muzik	

	5816	Barangan digital: Permainan	• Steam
	5817	Barangan digital: Aplikasi perisian (tidak termasuk permainan)	
	5818	Barangan digital: Pelbagai kategori	

Nota 1. Transaksi Tanpa Kad sahaja

iii. Pulangan Tunai yang diberikan bagi setiap Bulan Penyata akan dibundarkan ke bawah kepada RM1.00 yang terdekat.

iv. Contoh pengiraan Pulangan Tunai.

No.	Keterangan	Kategori & Perbelanjaan	Pedagang (contoh)	Kadar Pulangan Tunai	Pulangan Tunai Maksimum bagi setiap Kategori
1.	Individu A berbelanja sejumlah RM1,650 dalam Bulan Penyata mengikut kategori berikut:	Barangan Runcit Dalam Talian: RM200	GrabMart	8%	RM16.00
		Makan dan minum: RM300	Serai	8%	Capped at RM18.00
		Hiburan dalam talian: RM400	Netflix, Spotify, PlayStation	8%	Capped at RM18.00
		Beli-belah: RM400	H&M	0.2%	RM0.80
		Insurans: RM350	AIA	0.2%	RM0.70
		Jumlah perbelanjaan: RM1,650	N/A	N/A	RM53.50, dibundarkan ke bawah kepada RM53.00
2.	Individu B berbelanja sejumlah RM1,200 dalam Bulan Penyata mengikut kategori berikut:	Barangan Runcit Dalam Talian: RM200	Lotus's (dalam talian sahaja)	0.2%	RM0.40
		Makan dan minum: RM300	Serai	0.2%	RM0.60
		Hiburan dalam talian: RM400	Netflix, Spotify, PlayStation	0.2%	RM0.80
		Beli-belah: RM200	H&M	0.2%	RM0.40
		Insurans: RM100	AIA	0.2%	RM0.20
		Jumlah perbelanjaan: RM1,200		N/A	RM2.40, dibundarkan ke bawah kepada RM2.00

v. Kecuali jika dinyatakan sebaliknya di dalam Terma dan Syarat ini:

- **"Perbelanjaan Runcit Minimum"** merujuk kepada jumlah perbelanjaan runcit yang dibuat dalam mata wang tempatan dan/atau asing menggunakan Kad dan direkodkan dalam setiap

Bulan Penyata. Sekiranya transaksi dibuat dalam mata wang asing selain Ringgit Malaysia, kadar pertukaran semasa Maybank akan diguna pakai.

- **“Bulan Penyata”** bermaksud kitaran penyata bagi setiap Ahli Kad Utama di mana jumlah bil transaksi Kad dipaparkan dalam penyata bulanan kad kredit Ahli Kad Utama
- **“MCC”** (Kod Kategori Peniaga) bermaksud kod yang mengklasifikasikan kategori barangan atau perkhidmatan yang disediakan oleh peniaga. Penetapan MCC bagi setiap peniaga dilakukan oleh bank pemeroleh peniaga berkenaan dan merupakan tanggungjawab eksklusif bank tersebut untuk menetapkan MCC yang betul. Bagi mengelakkan keraguan, Maybank tidak bertanggungjawab atas sebarang percanggahan atau pengelasan transaksi yang tidak tepat akibat penetapan tersebut.
- **“Tarikh Pengeposan”** ditakrifkan sebagai tarikh sesuatu transaksi yang dibuat oleh Ahli Kad dicaj dan direkodkan dalam penyata bulanan kad kredit. Bagi mengelakkan keraguan, Tarikh Pengeposan mungkin beberapa hari selepas tarikh sebenar transaksi dibuat.

3. Pulangan Tunai akan dikecualikan untuk transaksi berikut:

- Transaksi EzyCash/-i Maybank, EzyPay Plus/-i, Cash Treats/-i, Pendahuluan Tunai, Pindahan Baki/-i, Quasi Cash;
- Transaksi JomPay/Mycdd;
- Transaksi FPX – Pembayaran kepada pembekal perkhidmatan
- Transaksi bayaran balik, transaksi yang dipertikaikan, transaksi runcit yang tidak sah atau penipuan
- Bayaran untuk yuran transaksi, bayaran yuran keahlian kad tahunan, bayaran keuntungan, yuran lewat bayar, caj untuk pengeluaran wang tunai;
- Sebarang bentuk perkhidmatan atau pelbagai yuran lain;
- Sebarang transaksi dianggap oleh Maybank mengikut budi bicara yang bukan untuk penggunaan peribadi atau bersifat perniagaan dan/atau korporat;
- Perbelanjaan pada Badan Kerajaan, utiliti, dan tambah nilai e-dompet.

Kategori	MCC	Keterangan
Perkhidmatan Kerajaan	9211	Kos Mahkamah (termasuk nafkah dan sokongan anak)
	9222	Denda
	9223	Bayaran Jaminan dan Bon
	9311	Bayaran Cukai
	9399	Perkhidmatan Kerajaan (tidak diklasifikasikan di tempat lain)
	9402	Perkhidmatan Pos – kerajaan sahaja
	9405	Transaksi Antara Agensi Kerajaan
Utiliti	4900	Elektrik: TNB, Sabah Electricity, Sarawak Energy, etc Gas: Gas Malaysia, etc Pembetungan: Indah Water Konsortium, etc Air: Syabas, Jabatan Bekalan Air, etc

4. Transaksi berikut tidak diambil kira dalam pengiraan Perbelanjaan Runcit Minimum :

- Transaksi EzyCash/-i Maybank, EzyPay Plus/-i, Cash Treats/-i, Pendahuluan Tunai, Pindahan Baki/-i, Quasi Cash;
- Transaksi JomPay/Mycdd

- Transaksi FPX – Pembayaran kepada pembekal perkhidmatan
- Transaksi bayaran balik, transaksi yang dipertikaikan, transaksi runcit yang tidak sah atau penipuan
- Bayaran untuk yuran transaksi, bayaran yuran keahlian kad tahunan, bayaran keuntungan, yuran lewat bayar, caj untuk pengeluaran wang tunai;
- Sebarang bentuk perkhidmatan atau pelbagai yuran lain;
- Sebarang transaksi dianggap oleh Maybank mengikut budi bicara yang bukan untuk penggunaan peribadi atau bersifat perniagaan dan/atau korporat;
- Perbelanjaan pada Badan Kerajaan, utiliti, dan tambah nilai e-dompet.

Kategori	MCC	Terjemahan
Perkhidmatan Kerajaan	9211	Kos Mahkamah (termasuk nafkah dan sokongan anak)
	9222	Denda
	9223	Bayaran Jaminan dan Bon
	9311	Bayaran Cukai
	9399	Perkhidmatan Kerajaan (tidak diklasifikasikan di tempat lain)
	9402	Perkhidmatan Pos – kerajaan sahaja
	9405	Transaksi Antara Agensi Kerajaan
Utiliti	4900	Elektrik: TNB, Sabah Electricity, Sarawak Energy, etc Gas: Gas Malaysia, etc Pembetungan: Indah Water Konsortium, etc Air: Syabas, Jabatan Bekalan Air, etc

- Transaksi yang dibuat oleh kad Tambahan juga berhak mendapat Pulangan Tunai di mana perbelanjaan akan diagregatkan dengan perbelanjaan Kad Utama. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke akaun Kad Utama.
- Penjejakan perbelanjaan adalah berdasarkan tarikh transaksi (Waktu Malaysia) dan masa di mana transaksi tersebut berjaya dipos dalam sistem Maybank sepanjang penggunaan Kad. Ganjaran Pulangan Tunai adalah berdasarkan tarikh transaksi yang diproses oleh peniaga mengikut zon waktu tempatan negara asal di mana transaksi dibuat.. Bagi tujuan terma dan syarat ini, “perbelanjaan” bermaksud perbelanjaan runcit yang dibuat oleh Ahli Kad dengan Kad Kredit Maybank mereka dalam tempoh sah kad seperti yang dirakam oleh sistem Maybank.
- Pulangan Tunai diberikan berdasarkan tarikh pengeposan, iaitu jika transaksi dibuat dalam bulan kalendar tetapi diposkan pada bulan berikutnya, Pulangan Tunai akan diberikan dan dikira dalam penyata bulan berikutnya (contoh transaksi bertarih 30/08 dan dipos pada 01/09, Pulangan Tunai akan dikira dalam penyata bulan September)
- Pulangan Tunai akan dikreditkan ke akaun Kad Kredit Utama pada hari pertama kalendar bulan. Semasa pengkreditan pulangan tunai yang pada hari pertama setiap bulan, kad mestilah aktif/sah, kekal dan dalam kedudukan kredit yang baik seperti yang mungkin ditentukan oleh pihak Maybank.
- Maybank berhak untuk menarik balik Pulangan Tunai yang diberikan kepada Ahli Kad atau memotong jumlah tersebut daripada mana-mana akaun yang dipegang oleh Ahli Kad dengan Maybank sekiranya: (i) ternyata tiada transaksi yang sepadan dengan mana-mana transaksi yang dikira oleh Maybank sebagai Perbelanjaan

Layak; (ii) sebarang transaksi dikira oleh Maybank sebagai Perbelanjaan Layak yang dibatalkan atau ditarik balik (sepenuhnya atau sebahagiannya) oleh mana-mana pihak atas sebarang sebab dan pada bila-bila masa, atau (iii) telah ditentukan oleh Maybank bahawa Ahli Kad telah melanggar mana-mana terma dan syarat.

10. Maybank berhak untuk menahan atau membatalkan ganjaran Pulangan Tunai di mana akaun tertunggak, ditutup, dalam siasatan atau Ahli Kad dalam pertikaian dengan pihak Maybank.
11. Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik. Jika Ahli Kad menamatkan Akaun Kadnya, sebarang Pulangan Tunai terkumpul akan dilupuskan
12. Maybank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan, perbelanjaan, kerugian, kecederaan, liabiliti atau kerosakan walau apa cara sekalipun yang ditanggung atau dialami oleh Ahli Kad dan/atau mana-mana pihak atas sebab, timbul daripada atau berkaitan dengan Pulangan Tunai yang diberikan, sebarang Pulangan Tunai bulanan tidak betul yang diberikan kepada Ahli Kad berkenaan dengan sebarang transaksi atas apa jua sebab sekalipun atau walau bagaimanapun, dan/atau transaksi yang lewat diproses, salah atau hilang disebabkan kerosakan atau kegagalan perkakasan atau elektronik atau atas sebarang sebab lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada pengelasan kategori yang salah berkenaan dengan sebarang transaksi).
13. Maybank berhak untuk mengubah, mengubah suai, menukar, menambah, memadam, membatalkan, menggantung atau menamatkan mana-mana ciri Pulangan Tunai (termasuk tetapi tidak terhad kepada pengurangan ganjaran Pulangan Tunai) dan mengubah, menambah atau memadam mana-mana Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa mengikut budi bicara munasabahnyanya dengan memberikan notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Ahli Kad melalui laman web Maybank di www.maybank.com.my atau mana-mana saluran lain yang pihak Bank anggap sesuai.
14. Penamatan atau penggantungan Pulangan Tunai oleh pihak Maybank tidak memberi hak kepada Ahli Kad untuk melakukan sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Maybank untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh Ahli Kad akibat daripada tindakan penamatan atau penggantungan tersebut.
15. Dengan membaca terma dan syarat ini, Ahli Kad adalah terikat dengan terma dan syarat dan perlu melihat laman web Maybank di www.maybank2u.com secara berkala untuk mengikuti perkembangan terkini dengan sebarang perubahan atau variasi yang dibuat kepada terma dan syarat dan akan mendapatkan penjelasan daripada pihak Bank sekiranya mana-mana terma atau syarat tidak difahami sepenuhnya.